

**Ucapan: 19/10/2017**

**Istiadat Penganugerahan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) dan Felo INTAN  
2017**

**KETUA SETIAUSAHA NEGARA: Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa**

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dihormati Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Puan Nori Abdullah Badawi

Selaku wakil Mantan Perdana Menteri Malaysia dan Penerima Anugerah Felo INTAN 2017 ;

**Yang Berbahagia Tan Sri Zainal Rahim bin Seman**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan  
Ketua-ketua Jabatan;

**Yang Berbahagia Dato' Mohtar Mohd Abd Rahman**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);

**Yang Berbahagia Dato' Nor Inchun Mohamed Salleh**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi);

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan**

Timbalan Pengarah Kanan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN);

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, dif-dif kehormat;

Para Graduan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN dan ahli-ahli keluarga, serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita diberi kesempatan untuk berhimpun dalam majlis yang gilang-gemilang pagi ini.
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada para graduan kerana telah berjaya menamatkan Kursus Diploma Pengurusan Awam atau DPA anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam.
3. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu detik bersejarah yang memberi pengiktirafan kecemerlangan para graduan setelah mengikuti modul latihan dan memperoleh pendedahan dalam pelbagai aspek perkhidmatan awam.
4. Izinkan saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada **Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia, atas pemilihan beliau sebagai penerima Anugerah Felo INTAN bagi tahun 2017.** Felo INTAN ini merupakan anugerah berprestij yang diberikan kepada tokoh-tokoh ternama sebagai tanda penghormatan dan penghargaan Kerajaan atas sumbangan mereka kepada negara dan perkhidmatan awam.
5. Tidak dilupakan, ucapan tahniah ini saya dedikasikan juga kepada ibu bapa, suami atau isteri, dan keluarga para graduan yang terkesan dengan komitmen peserta selama 10 bulan untuk menyempurnakan kursus ini. Saya percaya, doa restu dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan, merupakan antara sumber kekuatan yang mengiringi perjuangan mereka sehingga berjaya ke tahap yang amat membanggakan ini.

6. Sekalung tahniah dan syabas turut disampaikan kepada INTAN di atas komitmen dan kesungguhan dalam membentuk modal insan intelek yang bersahsiah murni dan berdedikasi tinggi. Penganjuran Kursus DPA kali ini juga menjadi satu tanda aras kejayaan INTAN mengekalkan **latihan berimpak tinggi yang telah menerima pengiktirafan atau akreditasi daripada Malaysian Qualifications Agency atau MQA bagi kohort kedua**. Secara keseluruhannya, sejak Program DPA diperkenalkan pada tahun 1977, majlis graduasi kali ini adalah yang ke-38 melibatkan 377 peserta.

## **PENCAPAIAN EKONOMI MALAYSIA**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Seperti yang kita semua sedia maklum, Malaysia telah berjaya mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (**KDNK) sebanyak 5.8% pada suku tahun kedua tahun ini** berbanding dengan 5.6% pada suku tahun pertama dan 4.5% pada suku keempat tahun 2016. Meskipun mengharungi pelbagai cabaran ekonomi, Malaysia mampu mencatatkan prestasi kukuh dalam pertumbuhan KDNK.
8. **Malaysia terus diiktiraf sebagai antara pelaku global yang signifikan**. Paling mutakhir, Malaysia menduduki tempat ke-23 dari 137 buah negara bagi ekonomi yang paling berdaya saing di dunia dalam Laporan Daya Saing Global 2017/2018 oleh Forum Ekonomi Dunia. Malaysia juga berada pada kedudukan ke-15 dalam senarai perbelanjaan Kerajaan yang paling efisien, mengatasi negara-negara Eropah dan Asia lain seperti Sweden, Finland, Jepun dan Negara China.

## **TRANSFORMASI NASIONAL**

9. Di bawah teraju Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Kerajaan terus melakar **rancangan jangka panjang dengan Dasar Transformasi Nasional (DTN) dan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk melonjakkan kedudukan Malaysia menjadi antara 20 buah negara maju menjelang tahun 2050**.

10. *We need to re-think how we work, how we engage, how we communicate in facing challenges ahead caused by the fast emerging yet intensive disruptions globally with the likes of The Industrial Revolution 4.0 (IR4.0), Internet of Things (IoT), Artificial Intelligence (AI) Inclusiveness has never been more important.* **Bottom-up aspirations meeting top-down guidance form the basis of TN50 workings and formulation.**

## KERAJAAN DAN PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Ke arah merealisasikan aspirasi TN50, **simbiosis yang mantap di antara 'Kerajaan' dan 'Pekhidmatan Awam' adalah kritikal.** Waima dengan tanggapan bahawa terdapat perbezaan di antara kedua-duanya, Kerajaan yang terbentuk daripada jemaah anggota pentadbiran mempunyai hubungan hirarki dengan penjawat awam, yakni Kerajaan merangka dasar pentadbiran negara yang akan dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam dengan berkesan demi memakmur negara dan mensejahterakan rakyat.
12. Mengharungi perjalanan gemilang ini, penjawat awam seharusnya merintis jalan seiring dengan persediaan negara bagi memanfaatkan kesempatan terbuka daripada Revolusi Perindustrian Keempat atau IR4.0. **Sebagai penjawat awam muda, saudara-saudari memikul tanggungjawab melaksanakan prakarsa-prakarsa utama TN50 seperti yang kita rancangkan ke arah ekonomi berasaskan digital.**
13. Berdasarkan umur saudara saudari, saya melihat hampir separuh masih berada dalam perkhidmatan menjelang tahun 2050, *and you will be at your peak in your career* pada masa itu. Jadi akan ada dalam kalangan saudara saudari pada masa itu akan menjadi Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah mahupun sebagai Ketua Setiausaha Negara.

## KESETIAAN DAN INTEGRITI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Sewaktu Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-15 (MAPPA XV) baru-baru ini, YB Perdana Menteri juga telah memberi penekanan kepada seluruh penjawat awam agar dapat mengamalkan Prinsip Wala' dan Kesetiaan yang seharusnya menjadi amalan dalam Perkhidmatan Awam.
15. Sebagai seorang PTD muda, adalah menjadi tanggungjawab saudara dan saudari sekalian untuk **terus mencurahkan khidmat bakti dan kesetiaan** kepada kepimpinan pada masa kini. Perihal ini adalah penting dalam memastikan fokus dan sasaran kemajuan negara tidak tersasar dan seterusnya kelancaran dan kestabilan negara dapat diperkasa dan diperkukuhkan.
16. Saya juga mengingatkan bahawa berdiri teguhnya seorang pemimpin itu adalah berlandaskan kepada **elemen integriti dan sikap amanah** yang sentiasa tersemat di dalam dirinya. Ilmu dan profesionalisma, tanpa adanya nilai dan budaya integriti, tentunya tidak akan menjamin pembangunan yang makmur dan sejahtera kepada negara kita.
17. Sehubungan dengan itu, di bahu saudara dan saudari semua, terpikul kewajipan untuk menjaga kerahsiaan maklumat penting dan memelihara keselamatan negara. **Patuhi ikrar perkhidmatan dengan sepenuh integriti dan jangan biarkan amalan negatif menjejaskan imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.**
18. Untuk meningkatkan kecekapan bertugas, saudara-saudari boleh memanfaatkan media sosial, sama ada melalui *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram* untuk menguar-uarkan program dan inisiatif Kerajaan. Namun, dalam menggunakan media sosial, jangan terjebak dan terpengaruh dengan pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memburukkan nama negara dan Kerajaan.

## **MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM DAN STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Selain mendakap nilai kesetiaan dan integriti, penjawat awam juga perlu melaksanakan amanah yang diberikan berpaksikan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA).
20. Titik fokus kepada penyampaian ini bukan sahaja terletak kepada aspek fizikal sahaja, malah ia merangkumi kepada **cara dan nilai penyampaian itu disampai atau ditawarkan kepada rakyat.** Terdapat enam (6) prinsip di bawah konsep MPA, iaitu Keterbukaan; Turun Padang; Musyawarah; Insaniah; Kekitaan, dan Kerjasama Awam-Swasta dan NGO bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam negara.
21. Dalam Merakyatkan Perkhidmatan Awam, **elemen sentuhan insaniah perlu diterapkan ketika kita menyampai atau menawarkan perkhidmatan kepada rakyat.** Sebagai contoh, sekiranya saudara dan saudari telah diamanahkan untuk bertugas di agensi barisan hadapan, saudara dan saudari seharusnya berusaha untuk memberi dan menawarkan layanan sehingga kepada pelanggan terakhir meskipun masa sudah melewati waktu bekerja (*passionate and willing to go the extra mile to serve*). Bak kata YAB Perdana Menteri, **“EPU is the head, ICU constitutes the arms, but where is the heart and soul which are crucial in implementing policies and projects and programme?”**
22. Saya juga berharap saudara dan saudari untuk mengetepikan budaya kerja secara silo atau bekerja dalam komuniti sendiri. Jangan sekali-kali terperangkap dalam mentaliti silo, sebaliknya saudara dan saudari perlu berkerjasama secara rentas sempadan atau dipanggil strategi lautan biru. **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* didasari oleh tiga prinsip iaitu pelaksanaan yang pantas (rapid execution), kos yang rendah (low cost) dan berimpak tinggi (big impact). Saya berharap, dengan mendukung kepada strategi ini, ia bukan sahaja akan dapat memenuhi ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan awam malah akan dapat melahirkan kepimpinan sektor awam dinamik, yang mampu menangani cabaran dan isu semasa dengan menggunakan pendekatan inovatif dan kreatif.

Hadirin yang dihormati sekalian,

23. Dalam majlis pada hari ini, kita merasa amat bangga kerana dapat memberi penghormatan kepada seorang tokoh yang terkenal dan dihormati. Ketokohan penerima Felo INTAN 2017, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, tidak perlu diperkenalkan lagi. Sebagai mantan Perdana Menteri Malaysia yang kelima, beliau merupakan negarawan ulung dan telah menabur khidmat bakti yang sebegitu besar kepada perkhidmatan awam dan negara.
24. Semasa berkhidmat dalam sektor awam dan perkhidmatan PTD mulai 1964 hingga 1978, beliau telah mendedikasikan segala usaha dan jiwa raganya kepada negara. Sepanjang 14 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam, kepimpinan dan kebolehan beliau begitu terserlah. Selepas insiden rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Yang Amat Berbahagia Tun telah diberi kepercayaan untuk berkhidmat di Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) bagi membantu Tun Abdul Razak Hussein sebagai Pengarah MAGERAN. Fungsi MAGERAN ketika itu ialah untuk mengawal ketenteraman awam dan memastikan kelicinan pentadbiran negara sebelum dibubarkan pada tahun 1971 dengan pemulihan Parlimen. Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya dilantik menjadi Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian yang sama sebelum meninggalkan perkhidmatan awam pada tahun 1978 untuk bergiat aktif dalam bidang politik.
25. Bagi pihak seluruh anggota perkhidmatan awam, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, atas penganugerahan Felo INTAN 2017. Semoga Yang Amat Berbahagia Tun dan keluarga sentiasa dilimpahi rahmat kesejahteraan yang berterusan daripada Allah S.W.T jua.

**PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

26. Kejayaan menerima Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam ini **hanyalah permulaan kepada perjuangan saudara-saudari dalam perkhidmatan awam.** Pelbagai onak dan duri bakal menanti dalam perjalanan sepanjang kerjaya saudara-saudari sekalian.

27. Saya mendoakan agar saudara-saudari diberikan taufik dan hidayah serta kekuatan untuk terus berkhidmat dengan berintegriti dan bersemangat (*passionate*). Semoga hasrat murni untuk menjadi warga perkhidmatan awam yang berdedikasi akan dapat dilaksanakan demi menjunjung amanah dan tanggungjawab bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan awam terbilang.

Sekian. *Wabillahittawfik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19149/Istiadat-Penganugerahan-Diploma-Pascasiswazah-Pengurusan-Awam-DPA-dan-Felo-INTAN-2017>